

23 OCT 1996

LEAD Parlimen-Gulung

DEWAN RAKYAT LULUS RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996)

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Dewan Rakyat malam ini meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) (No 2) 1996 setelah persidangan dilanjutkan lebih dua jam bagi menamatkan perbahasan pada peringkat jawatankuasa.

Rang undang-undang itu memperuntukkan RM1.57 bilion daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan perkhidmatan awam persekutuan bagi tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Dr Shafie Mohamed Salleh membentangkan rang undang-undang itu untuk bacaan kali kedua, dua hari lepas.

Setelah perbahasan selama tiga hari, rang undang-undang itu diluluskan pada pukul 9 malam ini. Dewan akan bersidang semula esok.

Kutipan derma sama ada untuk sekolah atau untuk kegiatan tertentu tidak dipertanggungjawabkan kepada pelajar, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn hari ini.

Ia boleh dilakukan melalui ibu bapa tetapi itu hanya merupakan tugas sukarela dan tidak pernah dipaksa, katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) (No.2) 1996 pada peringkat jawatankuasa mengenai Kementerian itu di Dewan Rakyat di sini.

Katanya, semua sekolah telah diberi garis panduan mengenai kutipan derma yang menegaskan bahawa pelajar tidak dibenarkan mengutip derma tetapi ibu bapa boleh bekerjasama.

Sebelum itu, Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) meminta penjelasan timbalan menteri mengenai murid yang diarah mengutip derma dan mendakwa guru tidak menjelaskan kepada murid mengenai semangat kesukarelaan dalam mengutip derma.

Beliau meminta kementerian mengarahkan supaya amalan kutipan derma oleh pelajar dihentikan segera kerana ia memberi kesan psikologi kepada murid apabila sekolah memberi hadiah kepada murid yang mendapat kutipan paling banyak manakala yang tidak banyak mendapat hasil, akan merasa rendah diri.

Dr Fong juga berkata dalam usaha melengkapkan pusat-pusat pengajian tinggi dengan teknologi maklumat yang terkini, kementerian kini dalam peringkat akhir perbincangan dengan universiti-universiti tempatan untuk menentukan keperluan komputer mereka.

Semasa perbahasan, Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) mencadangkan supaya universiti-universiti tempatan dilengkapi dengan kemudahan komputer yang mempunyai hubungan ke Internet.

Lim juga mencadangkan supaya kementerian melancarkan satu rancangan teknologi maklumat untuk memastikan 250,000 guru di negara ini celik komputer dan mendapat kemudahan hubungan dengan Internet.

Rancangan itu haruslah mengandungi program latihan guru khas untuk menjadikan setiap guru sekolah menengah dan rendah celik komputer pada tahun 2000, katanya.

Ketua pembangkang itu turut mencadangkan supaya satu pakej diskaun khas diberi kepada 250,000 guru untuk melanggan kemudahan Internet.

Persidangan juga diberitahu bahawa khidmat jururunding telah membantu kerajaan menjimatkan RM50 juta (US\$20) dalam pembelian lapan pesawat pejuang F/A-18D dari Amerika Syarikat.

Nilai asal keseluruhan perolehan lapan pesawat itu sebanyak US\$663 juta, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Dr Haji Shafie Salleh ketika menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Perbendaharaan.

Sambil menunjukkan model pesawat canggih itu, beliau berkata syarikat Vredenburg dari Amerika Syarikat, yang menjadi jururunding itu, diambil untuk memberikan khidmat nasihat profesional secara bebas dan bertindak sebagai sumber rujukan kepada Kementerian Kewangan.

Ia juga mengenal pasti penjimatan yang dapat dihasilkan serta memberi nasihat teknikal untuk membantu Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mengenal pasti perkhidmatan yang wajar diperolehi, katanya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Ong Ka Ting pula berkata Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah memproses sebanyak 13,686,119 permohonan Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) sehingga September ini.

Dalam penggulungan perbahasan bagi kementerian itu, beliau berkata sebanyak 3,165,194 permohonan KPT diterima pada antara Januari dan September tahun ini berbanding 2,834,574 permohonan pada tahun lepas.

"Kita yakin JPN dapat menyiapkan sebanyak sejuta permohonan lagi dalam masa tiga bulan akan datang," katanya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud ketika menggulung perbahasan bagi kementerian itu berkata Jawatankuasa Kabinet mengenai Sains dan Teknologi yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih belum dibubarkan.

"Perkara itu masih belum disahkan kerana Perdana Menteri berhak membuat sebarang keputusan mengenainya," katanya.

Terdahulu, Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) semasa perbahasan berkata kerajaan perlu mengumumkan pakej pertama empat undang-undang "cyber" kepada orang ramai melalui Internet sebelum ia dibentang dan diluluskan di Parlimen bulan depan.

"Undang-undang cyber merupakan bidang yang baru bagi Malaysia dan seluruh dunia. Tiada siapa yang boleh mendakwa sebagai pakar ataupun mempunyai kewibawaan dalam bidang undang-undang cyber.

"Ia merupakan alasan paling kuat mengapa draf pakej pertama empat undang-undang cyber harus diumumkan sebaik sahaja ia siap digubal untuk mendapatkan input daripada rakyat," katanya.

Beliau turut mencadangkan agar kerajaan mempercepatkan pelaksanaan kerajaan elektronik atau "kerajaan tanpa kertas" kepada 1 Jan tahun depan bagi bersiap-sedia menghadapi era Koridor Raya Multimedia.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohamed Ali Rustam ketika menggulung bagi kementerian itu berkata ujian ke atas kenderaan perdagangan kini dapat dilaksanakan dengan cepat dan efisien selepas kerja pemeriksaan itu diswastakan kepada Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom).

Beliau berkata kenderaan awam yang mengeluarkan asap berlebihan akan dikenakan tindakan setelah dibuktikan menerusi ujian mesin asap.

Katanya, bukti menerusi gambar kamera hanyalah sebagai bukti tambahan.

-- BERNAMA

RZS AKD